



LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

IKLAN PENGAMBILAN SECARA *CONTRACT FOR SERVICE* (CFS)

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan.

1. BUTIRAN JAWATAN

Jawatan	Pekerja Keselamatan Gred Setara 1 (1 jawatan)
Bayaran Perkhidmatan	RM1,700.00 sebulan (Termasuk potongan KWSP dan PERKESO)
Syarat Lantikan	1. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. 2. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. 3. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut: i. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu; ii. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita tanpa bersepatu; iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19-26; iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja); v. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata; vi. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan vii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

Kelayakan Akademik	1. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. 2. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan tersebut.
Tempoh Perkhidmatan	03 Ogos 2025 hingga 02 Ogos 2026
Tarikh Tutup Iklan	30 Jun 2025 (Isnin)
Deskripsi Tugas Utama	Bertanggungjawab terhadap kawalan keselamatan secara amnya di kawasan milik jabatan serta melaksanakan rondaan, pengiringan pegawai, dan kawalan lalu lintas bagi memastikan keselamatan di kawasan dan program jabatan.

2. CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat www.lada.gov.my.

- a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:
 - (i) Kad Pengenalan;
 - (ii) Sijil Kelahiran;
 - (iii) Sijil Berhenti Sekolah;
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (v) Lain-lain sijil yang berkaitan (kokurikulum) - jika ada.

- b) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis (CFS Gred Setara 1) di sebelah kiri sampul. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh menghubungi talian 04-9600600 dan permohonan yang telah lengkap diisi serta ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Tingkat 3, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
(u.p. Bahagian Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan)

3. PERMOHONAN YANG DITOLAK

- a) Borang permohonan yang tidak lengkap seperti berikut tidak akan dipertimbangkan:
- (i) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;
 - (ii) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan seperti di para 2 (a);
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (iv) Tidak menandatangani borang permohonan; dan
 - (v) Mengemukakan maklumat palsu.

